



## Kesan Kebebasan Ekonomi terhadap Pertumbuhan Ekonomi Negara: Kajian Empirikal di ASEAN-5

Hussin Abdullah\*  
Ferayuliani Yuliyusman  
*Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia*

\*Corresponding author; email: hussin2141@uum.edu.my

### ABSTRAK

*Kebebasan ekonomi merupakan isu yang agak baru tetapi ia menjadi salah satu faktor yang terpenting dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara serta memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kajian ini dilakukan untuk menguji adakah pembolehubah kebebasan ekonomi memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi di negara ASEAN-5 iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand dengan menggunakan pembolehubah-pembolehubah kebebasan ekonomi. Kajian ini juga melihat pembolehubah bebas yang manakah memberikan kesan yang paling besar ke atas pertumbuhan ekonomi negara. Kajian ini menggunakan Ujian Punca Unit Panel iaitu IPS untuk mengesan kepegunaan data panel manakala bagi ujian ko-integrasi pula digunakan Ujian Pedroni dan Fully Modified Ordinary Least Squares (FMOLS) Estimation. Hasil kajian ini mendapat semua pembolehubah kebebasan ekonomi mempunyai hubungan yang signifikan secara bersama mahupun individu iaitu berhubungan secara langsung dengan pertumbuhan ekonomi bagi kelima-lima negara ASEAN-5. Semakin tinggi tahap kebebasan ekonomi di sesebuah negara, maka semakin terbuka negara tersebut dan akhirnya memberi kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara dan juga KDNK.*

*Katakunci:* kebebasan ekonomi, pertumbuhan ekonomi, kesan kepegunaan, keterbukaan

## The Impact of Economic Liberalization on National Economic Growth: Empirical Study of ASEAN-5

### ABSTRACT

*Economic liberalization is quite a new issue but is one of the most important factors in enhancing the economic growth as well as making significant impact on the Gross Domestic Product (GDP). This study is aimed at analyzing whether the variables do actually have any impact on the economic growth of ASEAN-5, comprising Indonesia, Malaysia, Philippines, Singapore and Thailand by employing the variables associated to economic liberalization. This study also intends to identify the independent variables that have the most significant impact on the national economic growth. Root Test was used to trace the stationarity effect of panel data while co-integration test was conducted by adopting the Pedroni Test and Fully Modified Ordinary Least Squares (FMOLS) Estimation. The results found that all variables associated with economic liberalization have significant relationship, both in total and among individual variables, hence showing direct relationship with economic growth of ASEAN-5 member countries. The higher the status of economic liberalization in a country the higher the openness the country would be and this would eventually lead to positive effect on the national economic growth and GDP.*

*Keywords:* economic liberalization, economic growth, stationarity effect, openness

## PENDAHULUAN

Kebebasan ekonomi adalah merupakan kebebasan untuk mengeluar, berdagang serta menggunakan barang dan perkhidmatan tanpa paksaan, kekerasan, penipuan ataupun mencuri. Kebebasan ekonomi merangkumi kedaulatan undang-undang, hak harta peribadi dan kebebasan berkontrak serta mempunyai unsur-unsur keterbukaan pasaran dari segi dalaman ataupun luaran, perlindungan hak harta benda serta kebebasan inisiatif ekonomi. Kebiasaannya, kebebasan ekonomi ini berkait rapat dengan sistem pasaran bebas. Kajian empirik juga ada membuktikan kebebasan ekonomi ini mendatangkan kebaikan dan manfaat terutamanya dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara serta dapat membantu dalam mengurangkan kadar kemiskinan.

Kebebasan ekonomi juga merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang dijalankan secara terbuka. Di mana ianya melibatkan perdagangan antarabangsa, iaitu perdagangan sebuah negara dengan negara yang lain. Darjah keterbukaan ekonomi bergantung pada saiz perdagangan antarabangsa berbanding keluaran negara kasar.

Kunci utama kebebasan ekonomi adalah merujuk kepada konsep pilihan peribadi, pertukaran sukarela, kebebasan untuk bersaing serta hak perlindungan diri dan harta. Kebebasan ekonomi di sesebuah negara mestilah konsisten dengan dasar-dasar serta institusi-institusi dalam menyediakan sebuah prasarana bagi pertukaran sukarela dan melindungi individu serta harta mereka daripada dicerobohi secara paksaan dengan menggunakan keganasan dan penipuan.

Sehubungan itu, adalah penting bagi sesebuah kerajaan untuk menggalakkan kebebasan ekonomi dengan menyediakan sebuah struktur yang sah dan sistem perlaksanaan undang-undang yang dapat melindungi hak harta benda pemilik melalui penguatkuasaan undang-undang yang adil. Sesebuah negara yang dikatakan dapat meningkatkan kebebasan ekonominya ialah apabila dapat memudahkan rakyat mengakses sesuatu yang berunsurkan wang. Bagi sesetengah kes pula, kerajaan sendiri boleh menyediakan mata wang yang stabil nilainya bagi mewujudkan kebebasan ekonomi.

Walau bagaimanapun, kebebasan ekonomi juga memerlukan kerajaan untuk tidak melibatkan diri atau tidak campur tangan dalam segala hal seperti pilihan peribadi, pertukaran sukarela, dan kebebasan untuk memasuki dan bersaing dalam pasaran buruh serta produk.

Kebebasan ekonomi akan berkurangan apabila terdapatnya cukai dan regulasi penggantian bagi pilihan peribadi, pertukaran sukarela, dan penyelaras pasaran. Bukan itu sahaja, kebebasan ekonomi akan semakin berkurangan apabila wujudnya aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti rasuah, regulasi kerajaan, campur tangan kerajaan dan sekatan-sekatan lain. Sekatan-sekatan ini akan mengehadkan aktiviti-aktiviti perniagaan dan seterusnya akan merencatkan kebebasan ekonomi di sesebuah negara.

Secara keseluruhan di sini, dapat didefinisikan bahawa kebebasan ekonomi berlaku apabila tiadanya kekangan pemerintah dalam pengeluaran, penggunaan dan juga pengagihan barang bagi melindungi kebebasan itu sendiri. Semakin kecil peranan pemerintah, semakin tinggi tingkat kebebasan ekonomi di sesebuah negara.

Pertumbuhan ekonomi yang sihat dan seimbang adalah perlu dalam menentukan pembasmian kadar kemiskinan dan juga peningkatan taraf hidup serta mutu hidup rakyat pada masa hadapan. Strategi pertumbuhan ekonomi itu perlu mengambil kira tren perkembangan tahap kebebasan ekonomi. Tahap kebebasan ekonomi adalah sangat penting untuk dijadikan sebagai salah satu alat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Malahan, kebebasan ekonomi bukan sahaja untuk menentukan implikasi pertumbuhan dan perubahan struktur ekonomi dunia mengikut senario tertentu, tetapi juga untuk mencariimbangkan yang wajar antara orientasi ekonomi luar dan pembangunan ekonomi ke dalam negara Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini melihat dapatan terdahulu terhadap kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Sorotan literatur ini juga dilihat bertujuan untuk mengenal pasti sama ada hasil kajian pengkaji sebelum ini sama dan mempunyai hubungan dengan kajian ini. Melalui sorotan literatur ini juga sedikit sebanyak akan dapat membantu dalam melengkapkan lagi kajian ini. Malahan, sorotan literatur ini juga bertujuan untuk membandingkan dapatan kajian sebelum ini dengan hasil kajian ini mengenai kesan kebebasan ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi di Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Sala-i-Martin & Subramaniam (2003) dalam kajiannya telah mendapati bahawa kebebasan ekonomi iaitu berdasarkan kedaulatan undang-undang tidak memberikan kesan ataupun hanya memberi kesan yang sangat kecil kepada kadar pertumbuhan ekonomi dan juga pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perkapita negara.

De Haan & Jan-Egbert (2000) melalui karya mereka yang membincangkan hubungan di antara kebebasan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi, di mana kajian ini telah membandingkan pelbagai jenis penentu bagi kebebasan ekonomi. Hasil kajian mereka telah mendapati tahap kebebasan ekonomi yang tinggi akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara dan mereka juga mencadangkan setiap negara perlu mengekalkan tahap kebebasan yang tinggi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara.

Gwartney *et al.* (1999) telah memeriksa hubungan antara kebebasan ekonomi dan juga pertumbuhan ekonomi. Melalui analisis kajian, mereka mendapati bahawa kebebasan ekonomi merupakan satu penentu pertumbuhan ekonomi yang terpenting dalam pertumbuhan ekonomi dengan mengambil kira modal insan dan fizikal serta demografi. Mereka juga telah menguji sebab akibat dan mendapati kebebasan ekonomi akan mendorong kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi tetapi pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak menyebabkan tahap kebebasan ekonomi juga akan meningkat.

Leblang (1996) pula, dalam kajiannya telah menemui bahawa wujud korelasi yang positif di antara kebebasan ekonomi dan politik seterusnya kebebasan kedua-dua faktor ini memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara. Goldsmith (1995) juga mendapati bahawa kebebasan ekonomi telah dihubungkan oleh kebebasan politik dan seterusnya mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.

North (1990) telah mempertikaikan bahawa prestasi ekonomi jangka panjang adalah disebabkan oleh sesebuah institusi negara tersebut. Di mana, beliau menyatakan sistem ekonomi ataupun kebebasan politik adalah yang paling penting dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. North juga telah mengenal pasti bahawa penguatkuasaan kerajaan terhadap hak harta benda, saham, dan peraturan merupakan penentu yang penting kepada prestasi ekonomi. Pembolehubah-pembolehubah ini adalah jelas mempunyai kesan yang signifikan terhadap sistem ekonomi negara. Secara ringkasya, kajian beliau mendapati bahawa tahap kebebasan politik lebih memainkan peranan yang penting berbanding kebebasan institusi dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara.

Stroup (2007) dalam karyanya menyatakan kebanyakan kajian empirik menunjukkan kebebasan ekonomi dalam masyarakat adalah dihubungkaitkan secara positif dengan kemakmuran dan juga pertumbuhan ekonomi. Manakala, demokrasi menunjukkan korelasi yang berbeza-beza. Analisis empirik ini juga telah menguji interaksi kebebasan ekonomi dan demokrasi ke atas kesihatan, pendidikan dan pencegahan penyakit dalam masyarakat. Keputusan kajian menunjukkan demokrasi mempunyai satu pengaruh kecil yang positif dalam mempengaruhi kebijakan di sesebuah negara yang mempunyai tahap kebebasan ekonomi yang tinggi.

Friedman *et al.* (2000) telah membuktikan bahawa ekonomi yang salah di sisi undang-undang adalah berkait rapat dengan rasuah dan bukannya disebabkan oleh cukai yang dikenakan di sesebuah negara. Mereka mendapati aktiviti rasuah ini akan memberikan kesan kepada tahap kebebasan ekonomi dan

seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Semakin banyak aktiviti rasuah yang terlibat menyebabkan kebebasan ekonomi juga berkurang dan seterusnya pertumbuhan ekonomi juga akan turut terjejas. Walau bagaimanapun, mereka tidak bersetuju bahawa cukai yang dikenakan menyebabkan aktiviti perniagaan berkurangan dan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi.

Graeff *et al.* (2003) dalam karya mereka telah mengkaji kesan kebebasan ekonomi terhadap rasuah. Kajian ini juga menyelidik kesan pelbagai komponen kebebasan ekonomi terhadap rasuah. Hasil kajian mereka menunjukkan beberapa aspek kebebasan ekonomi akan menghalang aktiviti rasuah bergantung kepada kekayaan sesebuah negara. Satu hubungan yang kukuh di antara kebebasan ekonomi dan rasuah wujud tetapi ianya bergantung kepada tahap pembangunan di sesebuah negara tersebut.

Gwartney *et al.* (1996) dalam karyanya telah menyatakan kebebasan ekonomi bergantung kepada kebebasan suatu sistem politik dan analisis mereka menunjukkan terdapatnya satu korelasi yang ringkas di antara kebebasan ekonomi dengan pertumbuhan ekonomi. Selain daripada itu, teori ekonomi menurutnya telah menjelaskan bahawa pendapatan sesebuah ekonomi yang lebih bebas adalah lebih baik berbanding dengan negara yang kurang bebas. Menurut beliau lagi, kebebasan hak milik yang lebih selamat dan juga cukai yang rendah akan menggalakkan individu untuk terlibat dengan lebih banyak lagi dalam aktiviti yang lebih produktif. Apabila terdapat lebih banyak kebebasan dalam pertukaran akan menyebabkan ekonomi lebih berkembang melalui pengkhususan dan juga ekonomi bidangan. Kebebasan untuk masuk dan bersaing ke dalam pasaran juga akan menggalakkan kecekapan dalam pengeluaran. Tambahan pula, menurut beliau penemuan teknologi-teknologi yang baru dan yang lebih baik serta kaedah-kaedah baru dalam pengeluaran hasil daripada kebebasan ekonomi yang wujud seterusnya akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Gradstein (2003) dalam karyanya telah mengkaji bagaimana campur tangan kerajaan memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi terutamanya bagi negara-negara membangun. Hasil kajiannya dan bukti empirikal menunjukkan kebebasan hak milik dan kekurangan campur tangan kerajaan akan memberi kesan kepada peningkatan kadar pelaburan dan seterusnya membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat. De Haan & Jan-Egbert (2000) (2003) telah mengkaji hubungan di antara demokrasi dengan kebebasan ekonomi. Kajian ini menentukan hubungan di antara ekonomi dan kebebasan politik di negara-negara membangun. Hasil kajian mereka mendapati peningkatan dalam kebebasan ekonomi adalah disebabkan oleh tahap kebebasan politik di sesebuah negara.

## SPESIFIKASI MODEL DAN DATA

Model empirikal dibentuk daripada satu persamaan mudah fungsi pertumbuhan ekonomi umum. Model ini digunakan untuk menguji hubungan antara KDNK benar berfungsi kepada pembolehubah-pembolehubah bebas kebebasan ekonomi. Penentu pertama kebebasan ekonomi ialah dilihat dari sudut kebebasan kewangan iaitu pembolehubahnya terdiri daripada pembolehubah kebebasan fiskal, kebebasan monetari, kebebasan institusi kewangan, dan juga saiz kerajaan. Manakala penentu kedua kebebasan ekonomi dilihat dari sudut kebebasan perniagaan di mana pemboleubahnya terdiri daripada pembolehubah kebebasan perdagangan, kebebasan bermiaga dan juga kebebasan rasuah. Sehubungan itu kajian dijalankan adalah untuk mengenalpasti impak pembolehubah bebas terhadap KDNK negeri-negeri ASEAN-5. Analisis regresi panel bagi tiap-tiap negeri yang dikaji menggunakan model seperti berikut:

### A. Model 1 - Pembolehubah kebebasan kewangan

$$\ln Y_{it} = \beta_0 + \beta_1 \ln KF_{it} + \beta_2 \ln KM_{it} + \beta_3 \ln KFN_{it} + \beta_4 \ln SK_{it} + \varepsilon_{it} \quad (1)$$

di mana,  $Y_{it}$  ialah KDNK benar,  $KF_{it}$  pula ialah kebebasan fiskal,  $KM_{it}$  ialah kebebasan monetari,  $KFN_{it}$  ialah kebebasan institusi kewangan, manakala  $SK_{it}$  pula ialah saiz kerajaan.  $\beta_0 - \beta_4$  merupakan koefisien (pekalii) pembolehubah bebas yang dirujuk dan ralat adalah  $\varepsilon_{it}$ .

### B. Model 2 - Pembolehubah kebebasan perniagaan

$$\ln Y_{it} = \beta_0 + \beta_1 \ln KB_{it} + \beta_2 \ln KP_{it} + \beta_3 \ln KC_{it} + \varepsilon_{it} \quad (2)$$

di mana,  $Y_{it}$  ialah KDNK benar,  $KB_{it}$  ialah kebebasan bermiaga,  $KP_{it}$  ialah kebebasan perdagangan dan  $KC_{it}$  pula merujuk kepada kebebasan rasuah. Manakala  $\beta_0 - \beta_3$  adalah merujuk kepada koefisien pembolehubah bebas yang dirujuk dan ralat dalam  $\varepsilon_{it}$ .

Kajian ini menggunakan siri masa tahunan tahun 1995 hingga tahun 2008. Data-data sekunder yang diperoleh daripada Petunjuk Pembangunan Dunia (WDI) melibatkan data KDNK yang dianggap sebagai pembolehubah bersandar. Manakala pembolehubah-pembolehubah bebas daripada Indeks Kebebasan Ekonomi.

## ANALISIS EMPIRIKAL

Sama seperti data siri masa, ujian punca unit panel perlu dilakukan bagi mengelakkkan daripada mendapat satu regresi dan kolerasi palsu, yang mana kelihatan aggaran regresi yang agak baik tetapi sebenarnya tidak menunjukkan hubungan yang tulen. Selain tu juga, ujian punca unit panel ini mempunyai kaedah untuk mengenal pasti masalah seperti heterokedastisiti dan korelasi yang berbeza. Setiap ujian punca unit panel mempunyai kelebihan dan limitasi yang tersendiri dan untuk kajian ini, kami melakukan ujian punca unit panel Im, Pesaran dan Shin (1997) yang berdasarkan prosedur Dickey-Fuller yang terkenal. IPS juga telah mencadangkan satu ujian untuk mengesan kehadiran punca unit dalam panel yang menggabungkan maklumat daripada dimensi siri masa dengan dimensi keratan rentas, di mana pemerhatian masa yang sedikit adalah diperlukan untuk menguji supaya mempunyai kuasa yang tinggi. Apabila ujian IPS telah didapati mempunyai kuasa ujian yang lebih baik, kebanyakkan pengkaji ekonomi telah menggunakan ujian ini untuk menganalisis hubungan jangka panjang dalam data panel. Oleh itu, dalam kajian ini turut menggunakan ujian IPS untuk menganalisis data dalam kajian ini untuk menguji kepegunaan data panel.

Sesuatu pembolehubah kemungkinan tidak pegun dalam bentuk tingkat (*level form*), tetapi pegun dalam bentuk pembezaan (*different*). Jika pembolehubah menjadi pegun setelah dibezakan sekali, maka pembolehubah tersebut mempunyai ciri integrasi satu atau  $I(1)$ .

Keputusan ujian IPS bagi setiap pembolehubah diberikan dalam Jadual 1. Menerusi Jadual tersebut, lajur (a) menunjukkan keputusan ujian kepegunaan pada bentuk tingkat (*level form*), manakala lajur (b) pula adalah ujian kepegunaan bentuk pembezaan pertama (*first-difference*). Keputusan ujian kepegunaan IPS bagi setiap pembolehubah mendapati, hipotesis nol kepegunaan bentuk tingkat  $I(0)$  bagi semua siri masa gagal ditolak.

Ujian seterusnya dilakukan pada pembezaan pertama  $I(1)$ , didapati hasil empirical menunjukkan semua pembolehubah adalah pegun dalam pembezaan pertama  $I(1)$  pada kedua-dua konstan dan konstan + trend iaitu pada 1%, 5%, dan 10% aras keertian. Keadaan ini memperjelaskan bahawa kesemuanya pembolehubah membentuk satu set yang berkointegrasikan. Keadaan ini juga menunjukkan regresi palsu dapat dilakukan kerana semua pembolehubah pegun pada pembezaan pertama dengan kewujudan konstan + trend.

**Jadual 1**  
**Ujian Punca Unit Panel**

|      | Bentuk Tingkat    |                   | Bentuk Pembezaan Pertama |                      |
|------|-------------------|-------------------|--------------------------|----------------------|
|      | Konstan           | Konstan + Tren    | Konstan                  | Konstan + Tren       |
| KDNK | 3.078<br>(0.999)  | 2.147<br>(0.984)  | -3.364*<br>(0.000)       | -1.496***<br>(0.067) |
| KF   | -0.571<br>(0.284) | 1.408<br>(0.920)  | -7.798*<br>(0.000)       | -5.056*<br>(0.000)   |
| KM   | -1.176<br>(0.119) | -0.644<br>(0.259) | -5.282*<br>(0.000)       | -3.915**<br>(0.025)  |
| KFN  | 0.115<br>(0.546)  | 3.474<br>(0.999)  | -1.642***<br>(0.050)     | -1.681**<br>(0.046)  |
| SK   | -0.604<br>(0.273) | 0.271<br>(0.606)  | -5.250*<br>(0.000)       | -3.516*<br>(0.000)   |
| KB   | 0.699<br>(0.758)  | 0.020<br>(0.508)  | -1.870**<br>(0.030)      | -3.908*<br>(0.000)   |
| KP   | 3.444<br>(0.999)  | -1.196<br>(0.115) | -7.359*<br>(0.000)       | -4.912*<br>(0.000)   |
| KC   | 0.005<br>(0.502)  | 0.298<br>(0.617)  | -6.504*<br>(0.000)       | -4.855*<br>(0.000)   |

Nota: \*, \*\*, dan \*\*\* ada signifikan pada aras keertian 1%, 5%, dan 10%. Jumlah lat yang digunakan adalah ditentukan menggunakan *Akaike Information Criteria* (AIC)

Oleh kerana data panel adalah tidak pegun pada bentuk tingkat tetapi pegun pada pembezaan pertama, maka kemungkinan hubungan jangka panjang antara data panel ini adalah wujud. Hubungan jangka panjang yang wujud antara data panel yang membentuk kepegunaan yang sama juga dikenali sebagai ko-integrasi. Berdasarkan hasil keputusan, setiap pembolehubah seterusnya akan dimasukkan ke dalam model ko-integrasi jangka panjang. Maka, langkah yang kedua adalah untuk menguji ko-integrasi antara pembolehubah KDNK dan semua pembolehubah bebas lain dengan menggunakan ujian panel ko-integrasi Pedroni (1999, 2004).

## UJIAN KO-INTEGRASI

Selepas melaksanakan ujian kepegunaan bagi setiap pembolehubah, ujian bagi ko-integrasi pula akan diaplikasikan dalam semua pembolehubah atau siri integrasi yang mempunyai susunan yang sama sebagai contoh  $I(1)$ . Langkah yang seterusnya adalah untuk menguji kewujudan hubungan di antara KDNK benar dan pembolehubah-pembolehubah bersandar. Bagi ujian panel ko-integrasi yang dicadangkan oleh Pedroni (1999, 2004), kami menggunakan tujuh panel ko-integrasi yang dibentuk iaitu menentukan ujian yang sesuai untuk mengaplikasikan residual penganggaran daripada regresi ko-integrasi selepas melakukan proses normalisasi statistik panel melalui beberapa pembetulan.

Pedroni (1999, 2004) merupakan lanjutan Eagle & Granger (1987), dua langkah strategi untuk panel dan bergantung pada prinsip *Augmented Dickey-Fuller* (ADF) dan prinsip *Phillips-Perron* (PP). Langkah pertama, persamaan ko-integrasi adalah dianggarkan secara berasingan bagi setiap ahli panel. Kedua, residual ditentukan dengan mematuhi ciri-ciri unit punca. Jika hipotesis nol ditolak, keseimbangan jangka panjang wujud, tetapi vektor ko-integrasi mungkin berbeza bagi setiap keratan rentas. Selain itu, penentuan komponen adalah dibenarkan untuk menjadikan individu lebih spesifik.

Residual akan dikumpulkan sama ada sepanjang atau di antara dimensi bagi panel dengan menaikkan panel dan statistik kumpulan min (Pedroni, 1999). Dalam kes bagi panel statistik parameter regresi tertib pertama adalah dihalang untuk menjadi sama pada semua keratan rentas. Jika nol ditolak, parameter adalah kecil daripada satu dalam nilai mutlak, dan pembolehubah-pembolehubah dalam soalan adalah mempunyai ko-integrasi bagi semua ahli panel. Dalam statistik kumpulan, parameter autoregresi yang berbeza adalah dibenarkan dalam keratan rentas iaitu sebagai jumlah statistik kepada purata statistik individu. Jika nol ditolak, ko-integrasi wujud sekurang-kurangnya bagi satu individu. Maka, tawaran ujian kumpulan merupakan sumber tambahan bagi kehetetogenan di antara ahli panel (Dreger & Reimers, 2005). Bagi suatu had yang tertentu, statistik itu diagihkan sebagai piawai normal dengan penolakan kawasan sebelah kiri, kecuali ujian nisbah varians, di mana ianya adalah benar. Faktor penyeragaman ini adalah bergantung kepada jumlah regresi sama ada ataupun bukan konstan atau dengan tren adalah termasuk dalam hubungan ko-integrasi.

Berdasarkan Jadual 2, kedua-dua model ini menunjukkan hasil keputusan di mana wujud hubungan ko-integrasi di antara KDNK dengan pembolehubah bebas dalam jangka panjang. Bukti yang menunjukkan kewujudan ko-integrasi dalam jangka masa panjang dalam Model 1 ialah kerana panel yang ke III, IV, VI, dan VII iaitu nilainya, -2.413, -1.746, -2.580, dan -2.382 adalah kurang daripada -1.64. Jika sekurang-kurangnya dua daripada ketujuh-tujuh panel ini mempunyai nilai kurang daripada -1.64 kecuali panel yang pertama iaitu panel v-statistik nilainya 0.621 iaitu kecil daripada 1.64, maka ko-integrasi hubungan jangka panjang wujud.

**Jadual 2**  
**Ujian Ko-Integrasi Pedroni (1999) di antara Semua Pembolehubah Kebebasan Ekonomi Mengikut Model**

|           |                | Model 1            | Model 2 |
|-----------|----------------|--------------------|---------|
| I.        | panel v-stat   | 0.621              | 2.722*  |
| II.       | panel rho-stat | 1.336              | 0.232   |
| III.      | panel pp-stat  | -2.413*            | -2.907* |
| IV.       | panel adf-stat | -1.746*            | -1.865* |
| V.        | group rho-stat | 2.191              | 1.213   |
| VI.       | group pp-stat  | -2.580*            | -2.276* |
| VII.      | group adf-stat | -2.382*            | -2.500* |
| Keputusan |                | Wujud Ko-Integrasi |         |
|           |                | Wujud Ko-Integrasi |         |

*Note:* Semua statistik adalah daripada prosedur Pedroni (1999), dimana nilai dibandingkan kepada taburan normal  $N(0,1)$ . Ujian satu bahagian dengan nilai kritikalnya ialah -1.64 ( $k < -1.64$  menunjukkan penolakan nol) kecuali v-statistik yang mana nilai kritikalnya ialah 1.64 ( $k > 1.64$  mencadangkan penolakan nol). \*, \*\*, dan \*\*\* menunjukkan penolakan tiada ko-integrasi hipotesis nol pada 1%, 5%, dan 10% aras keertian signifikan.

Bagi Model 2, wujud ko-integrasi dalam hubungan jangka panjang kerana disebabkan nilai panel III, IV, VI, dan VII iaitu -2.907, -1.865, -2.276, dan -2.500 adalah kurang daripada -1.64. Manakala bagi panel I (panel v-stat), jelas menunjukkan bahawa nilainya 2.722 lebih besar daripada nilai 1.64. Secara keseluruhan mengikut pandangan Pedroni, wujud hubungan jangka panjang dalam Model 2 secara bersama bagi data panel yang berko-integrasi dalam kajian ini kerana sekurang-kurangnya dua atau lebih panel mempunyai nilai yang kurang daripada -1.64.

Apabila wujud ko-integrasi secara bersama bagi semua pembolehubah, seterusnya langkah yang ketiga di mana merupakan langkah yang terakhir adalah untuk melihat kewujudan hubungan ko-integrasi secara individu dan juga secara keseluruhan ataupun panel dalam jangka masa panjang. Bagi

melihat hubungan ini, kami menggunakan ujian *Fully Modified Ordinary Least Squares (FMOLS) Estimation.*

### **ANALISIS UJIAN FULLY MODIFIED ORDINARY LEAST SQUARES (FMOLS) ESTIMATION**

Ujian FMOLS ini dilakukan adalah untuk menguji sama ada wujud atau tidak wujud hubungan dan keseimbangan bersifat jangka panjang antara pembolehubah kajian secara individu. Dengan kata lain, ujian ini adalah untuk menentukan kewujudan ko-integrasi di antara kedua-dua model dalam hubungan jangka panjang secara individu ataupun berdasarkan setiap negara. Bagi analisis yang pertama, analisis Model 1 menunjukkan hubungan KDNK dengan pembolehubah bebas kebebasan ekonomi dari sudut kebebasan kewangan bagi setiap negara yang dikaji iaitu pembolehubah bebasnya terdiri daripada empat pembolehubah iaitu kebebasan fiskal (KF), kebebasan monetari (KM), kebebasan sistem kewangan (KFN) dan saiz kerajaan (SK). Hasil keputusan ujian ini dapat dilihat melalui Jadual 3 seperti yang berikut:

**Jadual 3  
Ujian Ko-Integrasi FMOLS (1999) di antara Semua Pembolehubah Kebebasan Ekonomi Model 1 dan Model 2 Mengikut Negara**

|           | Model 1                         |                               |                                 |                                 | Model 2                     |                                 |                              |
|-----------|---------------------------------|-------------------------------|---------------------------------|---------------------------------|-----------------------------|---------------------------------|------------------------------|
|           | KF                              | KM                            | KFN                             | SK                              | KB                          | KP                              | KC                           |
| Indonesia | -4.96 <sup>*</sup><br>(-10.23)  | -0.21<br>(-0.77)              | 0.38 <sup>*</sup><br>(4.71)     | -0.20<br>(-0.37)                | 1.90 <sup>*</sup><br>(4.26) | -4.60 <sup>*</sup><br>(-13.52)  | -0.03<br>(-0.36)             |
| Malaysia  | 2.13 <sup>*</sup><br>(4.51)     | 1.10<br>(0.05)                | 0.56 <sup>***</sup><br>(-2.00)  | -1.89 <sup>*</sup><br>(-4.25)   | 0.98 <sup>*</sup><br>(3.06) | -1.32 <sup>*</sup><br>(-4.00)   | -0.20<br>(-0.67)             |
| Filipina  | 2.07 <sup>***</sup><br>(2.61)   | 1.29 <sup>*</sup><br>(4.62)   | 3.24 <sup>*</sup><br>(4.11)     | -2.10 <sup>*</sup><br>(-4.54)   | -0.61<br>(-0.24)            | -1.86 <sup>***</sup><br>(-2.12) | 0.40<br>(1.00)               |
| Singapura | 2.71 <sup>*</sup><br>(10.63)    | 1.17<br>(1.14)                | -1.17 <sup>*</sup><br>(5.44)    | 0.90 <sup>*</sup><br>(-5.84)    | 4.34 <sup>*</sup><br>(3.45) | -8.03 <sup>*</sup><br>(-3.90)   | 2.18 <sup>**</sup><br>(2.52) |
| Thailand  | -3.82 <sup>*</sup><br>(-3.00)   | -0.07<br>(-0.01)              | -1.02 <sup>***</sup><br>(-2.38) | -0.21<br>(-0.27)                | 3.82 <sup>*</sup><br>(3.06) | -7.17 <sup>*</sup><br>(-6.19)   | 2.49 <sup>*</sup><br>(2.21)  |
| Kumpulan  | -2.98 <sup>**</sup><br>( 6.91 ) | 0.72 <sup>*</sup><br>( 8.02 ) | 0.60 <sup>*</sup><br>( -6.50 )  | -0.74 <sup>*</sup><br>( -3.37 ) | 4.09 <sup>*</sup><br>(8.21) | -7.59 <sup>*</sup><br>(-7.76)   | 0.97 <sup>*</sup><br>(2.10)  |

Nota: \*, \*\*, dan \*\*\* ada signifikan pada aras keertian 1%, 5%, dan 10%

Berdasarkan hasil analisis ujian FMOLS seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, didapati bahawa semua pembolehubah kebebasan ekonomi bagi model 1 di setiap negara, KDNK dan pembolehubah bebasnya adalah berko-integrasi secara individu dalam keseimbangan jangka panjang. Untuk melihat kewujudan hubungan jangka panjang secara individu ini, didapati nilai *t*-statistik iaitu yang ditunjukkan dalam kurungan mempunyai nilai mutlak yang lebih besar daripada nilai *t*-jadual iaitu nilai 2 pada aras keertian sekurang-kurangnya 10%. Selain daripada itu, setiap negara juga mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua nilai *t*-statistik yang lebih besar daripada *t*-jadual. Setiap negara iaitu Filipina mempunyai hubungan ko-integrasi secara individu terhadap pembolehubah kebebasan ekonomi dari sudut kebebasan kewangan iaitu KDNKnya berko-integrasi dengan semua

pembolehubah kebebasan kewangan. Begitu juga dengan Indonesia yang berko-integrasi dengan pembolehubah KF dan juga KFN secara individu. Singapura pula mempunyai ko-integrasi dengan pembolehubah KF, KFN dan SK. Thailand juga memberikan hasil keputusan di mana KDNKnya berko-integrasi dengan pembolehubah KF dan juga KFN. Malaysia sendiri menunjukkan kewujudan ko-integrasi secara individu dalam keseimbangan jangka panjang terhadap Model 1 ini dengan menunjukkan keputusan iaitu KDNK berko-integrasi terhadap pembolehubah KF, KFN dan juga SK.

Manakala hubungan pembolehubah kebebasan kewangan ni secara kumpulan menggunakan analisis FMOLS mendapati didapati KDNK berko-integrasi secara bersama dalam kumpulan panel terhadap semua pembolehubah. Nilai  $t$ -statistik yang dinyatakan dalam kurungan bagi pembolehubah KF, KM, KFN dan juga SK memberikan nilai yang lebih besar daripada t-jadual iaitu nilai 2 pada aras keertian sekurang-kurangnya 10%. Oleh yang demikian boleh dinyatakan bahawa semua pembolehubah dalam Model 1 adalah ber-kointegrasi secara bersama dalam hubungan jangka panjang bagi data panel ini.

Seterusnya dalam menganalisis hubungan KDNK dengan pemboleubah bebas kebebasan ekonomi dari sudut kebebasan perniagaan iaitu dalam Model 2 bagi setiap negara yang dikaji di mana terdiri daripada lima pembolehubah bebas iaitu kebebasan bermiaga (KB), kebebasan kebebasan perdagangan (KP) dan juga kebebasan rasuah (KC).

Dalam Jadual 3, didapati setiap negara mempunyai hubungan ko-integrasi secara individu terhadap pembolehubah bebas bagi Model 2. Bagi negara Filipina, KDNKnya berko-integrasi dengan pembolehubah bebas kebebasan perdagangan. Negara Indonesia dan Malaysia pula mempunyai hubungan ko-integrasi terhadap pembolehubah kebebasan perdagangan dan kebebasan bermiaga. Tetapi kedua-dua negara menunjukkan hubungan yang tidak berko-integrasi terhadap pembolehubah kebebasan rasuah. Manakala bagi negara Singapura dan Thailand menunjukkan KDNK mempunyai ko-integrasi secara individu terhadap semua pembolehubah bebas dalam model ini. Hasil keputusan menyatakan sekurang-kurangnya setiap negara berko-integrasi secara individu terhadap sebuah pembolehubah bebas.

Untuk melihat kewujudan hubungan ko-integrasi secara bersama bagi Model 2 ini, didapati KDNK berko-integrasi secara bersama dalam kumpulan panel terhadap semua pembolehubah. Nilai  $t$ -statistik yang dinyatakan dalam kurungan bagi pembolehubah KB, KP dan juga KC memberikan nilai yang lebih besar daripada t-jadual iaitu nilai 2 pada aras keertian sekurang-kurangnya 10%. Oleh yang demikian boleh dinyatakan bahawa semua pembolehubah bebas dalam Model 2 adalah ber-kointegrasi secara bersama dalam hubungan jangka panjang bagi data panel ini.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini adalah untuk melihat secara empirikal hubungan di antara keterbukaan ekonomi dengan pertumbuhan ekonomi negara di ASEAN-5 iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, dan Thailand. Ujian panel punca unit dilakukan terhadap data panel untuk menguji kepegunaan dan ianya teruji menunjukkan bahaw semua pembolehubah adalah pegun pada pembezaan pertama  $I(1)$ . Manakala ujian ko-integrasi pula dijalankan untuk menguji hubungan jangka panjang yang wujud di antara KDNK dan juga tujuh pembolehubah bebas kebebasan ekonomi yang telah dikenal pasti. Ujian ko-integrasi yang telah dijalankan membuktikan bahawa Model 1 dan Model 2 mempunyai pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas yang berkointegrasi di antara satu sama lain.

Bagi melihat kesan kebebasan ekonomi terhadap KDNK negara, indeks kebebasan tersebut telah dibahagikan kepada dua model di mana Model 1 dilihat dari sudut kebebasan kewangan. Manakala Model 2 pula kebebasan ekonomi dilihat berdasarkan kebebasan perniaagan. Dalam Model 1 pembolehubah bebasnya terdiri daripada empat pembolehubah dan bagi model yang kedua pula,

pembolehubah bebasnya terdiri daripada tiga pembolehubah seperti mana yang telah dijelaskan dalam bab sebelum ini.

Melalui hasil keputusan daripada ujian punca unit panel IPS, ujian ko-integrasi Pedroni dan FMOLS memperlihatkan dapatan utama dalam kajian ini telah membuktikan kewujudan hubungan yang signifikan di antara kebebasan ekonomi dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara sama ada dinilai dari model pertama mahupun model yang kedua. Hasil regresi juga menunjukkan bahawa lebih tinggi tahap keterbukaan ekonomi di sesebuah negara, lebih besar kesan yang diperolehi ke atas pendapatan negara tersebut. Negara yang mempunyai indeks kebebasan ekonomi yang lebih tinggi di mana tahap keterbukaan ekonominya adalah tinggi, maka akan mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat dan tinggi tidak kiralah keterbukaan ekonomi tersebut dari sudut kewangan mahupun kebebasan perniagaan. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa pembolehubah KDNK berhubung secara langsung dengan pembolehubah kebebasan ekonomi.

Pembolehubah kebebasan fiskal misalnya menunjukkan hubungan yang positif dalam kajian ini. Dapatan ini dapat disokong oleh kebanyakkan sorotan literatur iaitu Tavares & Romain (2000) yang menyatakan kesan institusi yang demokratik memberi kesan kepada kebebasan ekonomi dan seterusnya memberi faedah kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Sesebuah negara yang mempunyai sistem demokrasi akan mempunyai tahap kebebasan yang lebih tinggi. Selain daripada itu, kebebasan fiskal juga merujuk kepada beban kerajaan dan ianya dilihat dari sudut hasil. Semakin kecil jumlah cukai yang dikenakan oleh sesebuah kerajaan iaitu semakin besar tahap kebebasan fiskal di sesebuah negara dan seterusnya akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Contohnya negara Singapura dan Filipina mempunyai indeks kebebasan fiskal yang tinggi menyebabkan negara ini mendahului negara-negara lain dalam kebebasan ekonomi serta pendapatan di negara kedua-dua negara tersebut juga adalah lebih besar berbanding dengan Indonesia mahupun Malaysia.

Hubungan yang positif di antara kebebasan monetari dengan KDNK juga wujud melalui hasil daripada kajian ini. Dapatan yang positif di antara pembolehubah KM dalam mempengaruhi KDNK negara juga disokong oleh Law dan Demetriades (2006) yang mendapat pembangunan kewangan ataupun kebebasan kewangan memberikan kesan yang terbesar kepada KDNK perkapita negara. Mereka juga mendapat bahawa kebebasan sistem kewangan memberikan impak yang paling besar kepada pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara terutamanya di negara yang sedang membangun dan di negara yang berpendapatan sederhana.

Selain daripada itu juga, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kebebasan institusi kewangan dalam Model 1 memberikan kesan yang signifikan terhadap pendapatan negara. Kebebasan institusi kewangan merupakan ukuran terhadap keselamatan suatu sistem perbankan tanpa bergantung kepada kawalan kerajaan. Oleh yang demikian kebebasan suatu sistem kewangan juga merupakan salah satu indeks kebebasan ekonomi yang terpenting dalam mempengaruhi KDNK negara.

Analisis seterusnya turut memperlihatkan pembolehubah kebebasan ekonomi melalui Model 1 iaitu saiz kerajaan juga memberikan kesan yang positif terhadap pendapatan negara di setiap negara yang dikaji. Hasil keputusan ujian ko-integrasi FMOLS membuktikan saiz kerajaan di sesebuah negara akan mempengaruhi pendapatan negara. Saiz kerajaan merangkumi perbelanjaan kerajaan termasuklah penggunaan dan pindahan. Dapatan daripada hasil kajian ini turut disokong oleh Leblang (1996) di mana dalam kajiannya telah menemui wujud korelasi yang positif di antara kebebasan ekonomi dan politik seterusnya kebebasan kedua-dua faktor ini memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara. Campur tangan kerajaan yang sedikit akan menyebabkan kebebasan ekonomi sesebuah negara menjadi lebih bebas dan seterusnya akan menyebabkan KDNK negara juga turut meningkat kerana kurangnya halangan sertakekangan daripada kerajaan.

Ujian terhadap Model 2 dari sudut kebebasan perniagaan menunjukkan pembolehubah seperti kebebasan perdagangan, kebebasan bermiaga dan juga kebebasan rasuah menunjukkan wujud ko-integrasi dan hubungan yang signifikan iaitu memberi kesan secara langsung terhadap pertumbuhan

ekonomi di sesebuah negara. Manakala kebebasan perdagangan menunjukkan halangan perdagangan yang wujud melalui pengenaan kuota dan tarif. Kebebasan bermula pula merupakan keupayaan bagi mewujudkan, memasuki dan keluar dalam perusahaan dengan mudah dan cepat. Apabila ketiga-tiga tahap kebebasan ekonomi ini tinggi iaitu pengaliran modal asing yang besar ke dalam negara, tidak wujud halangan tarif serta prosedur yang lebih longgar untuk memasuki sesebuah perusahaan akan lebih menarik pelabur asing serta masyarakat tempatan untuk bermula. Justeru itu, jika kebebasan ekonomi bagi ketiga-tiga pembolehubah ini adalah tinggi, maka pendapatan negara juga akan turut meningkat. Dapatkan ini dapat disokong oleh Easterly *et al.* (2001) yang mendapati kebebasan kewangan dan kemerauan dalam pengaliran modal juga memberi kesan yang signifikan ke atas output ataupun KDNK sesebuah negara. Negara Filipina, Singapura dan juga Thailand misalnya mempunyai prosedur yang lebih mudah untuk memasuki sesebuah perusahaan menyebabkan negara ini mendahului Malaysia dan negara lain dalam aktiviti perdagangan serta mempunyai KDNK benar perkapita yang lebih tinggi berbanding dengan Malaysia.

Begitu juga dengan tahap kebebasan rasuah di sesebuah negara di mana kebebasan rasuah diukur berdasarkan kepada data kuantitatif yang menilai persepsi rasuah di dalam persekitaran perniagaan termasuklah keadilan, aktiviti kerajaan yang sah dan juga pengurusan rasuah. Hasil kajian ini mendapati semakin kurang aktiviti rasuah di sesebuah negara iaitu yang menunjukkan kebebasan rasuah yang tinggi maka semakin besar jugalah pendapatan negara tersebut. Dapatkan ini disokong oleh Md Zyadi *et al.* (2008) dalam karya mereka menyatakan bahawa rasuah mempunyai hubungan songsang dengan pertumbuhan ekonomi dan juga pendapatan negara di mana menurut kajian mereka mendapati bahawa rasuah memberi kesan yang negatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara Malaysia. Kesan rasuah dan inflasi menyebabkan keterbukaan ekonomi sesebuah negara menjadi semakin kecil dan seterusnya akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pendapatan negara.

Melalui ujian ko-integrasi Pedroni dan juga FMOLS ini telah membuktikan bahawa KDNK adalah berhubungan secara positif dengan pembolehubah kebebasan ekonomi sama ada melalui model pertama ataupun model kedua serta mempunyai hubungan ko-integrasi secara bersama mahupun secara individu berdasarkan ujian yang telah dilaksanakan dalam bab empat.

Ringkasnya, hasil keputusan yang diperolehi dalam kajian ini telah mengenalpasti kesan pembolehubah-pembolehubah bebas kebebasan ekonomi dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara di antara kelima-lima negara tersebut. Didapati, kesemua pembolehubah-pembolehubah bebas yang terlibat iaitu KF, KM, KFN, SK, KP, KB, dan juga KC bagi kedua-dua model memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan ekonomi negara.

Kerajaan mestilah mengambil langkah untuk mengubah dasar-dasar yang selama ini gagal memberikan hasil yang dijangka. Misalnya dasar penswastaan yang tidak diuruskan dengan baik kepada pengurusan awam yang efisyen dan telus untuk sektor-sektor penting. Pengenaan cukai yang tinggi berserta penswastaan yang tidak kurang berkesan seharusnya dikaji semula agar tidak membebankan rakyat. Contohnya di Malaysia ialah penjanaan elektrik, di mana bayaran kapasiti tinggi penjana tenaga bebas telah menyumbang kepada kos yang tinggi yang ditanggung Tenaga Nasional Berhad. Kesannya, kos yang tinggi ini sebahagiannya dipindahkan kepada pengguna di dalam bentuk kenaikan tarif elektrik. Keadaan ini akan membebankan rakyat dan kejatuhan dalam kebebasan fiskal.

Pengenaan cukai yang rendah menunjukkan kebebasan fiskal di sesebuah negara adalah tinggi. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah mengambil kira dan memperbaharui dasar sedia ada supaya dasar-dasar yang akan dijalankan tidak akan membebankan rakyat dan seterusnya memberikan kebebasan fiskal yang tinggi yang akan meningkatkan pendapatan sesebuah negara. Melalui hasil keputusan kajian hubungan ko-integrasi menunjukkan kelima-lima negara iaitu Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapur dan Thailand telah menunjukkan hubungan yang sangat kuat dalam mempengaruhi KDNK negara. Oleh yang demikian semua negara mestilah mengambil langkah untuk

menambahbaikan lagi pembolehubah bebas kebebasan fiskal supaya pendapatan negara dapat ditingkatkan lagi.

Disebabkan oleh aktiviti rasuah memberikan kesan yang besar kepada pendapatan negara, kerajaan dan pihak yang berkuasa mestilah membanteras aktiviti ini. Sekirannya rasuah dibanteras dengan berkesan, peruntukan akan dapat diagihkan secara adil dan telus, sumber yang akan disebarluaskan pasti akan lebih lagi dari segi jumlah dan keberkesanannya. Apabila berlakunya peningkatan dalam aktiviti rasuah, secara tidak langsung ianya akan membawa kepada penurunan pertumbuhan ekonomi KDNK negara. Justeru itu, pihak kerajaan Malaysia, Indonesia dan Thailand khasnya perlulah memastikan rasuah dapat diatasi dengan menggerakkan jentera kerajaan yang terdiri daripada pihak berkuasa tempatan untuk memantau aktiviti rasuah kerana kebanyakannya penglibatan aktiviti rasuah ini adalah terdiri daripada kalangan penjawat awam yang berpangkat besar. Implikasi dasar ini patut diamalkan oleh negara yang mana kesan rasuah akan mengurangkan pertumbuhan ekonomi negara Seperti Filipina dan Singapura kadar kebebasan rasuah dikedua-dua negara ini merupakan yang terendah dan boleh dikatakan sebagai kawasan bebas rasuah.

Selain daripada langkah-langkah di atas, semua negara haruslah mengamalkan keterbukaan ekonomi yang lebih terbuka untuk meningkatkan KDNK negara. Di Malaysia dan Indonesia contohnya, dasar tutup pintu harus digantikan dengan penerimaan kepada realiti globalisasi. Maka perlu dibuang mentaliti pergantungan dengan memfokuskan kepada keterbukaan dan daya saing negara. Malaysia misalnya adalah di antara negara yang mempunyai tahap keterbukaan ekonomi yang sederhana di dunia, kita tidak boleh menafikan bahawa kita perlu pelaburan asing. Kita perlu memperbaharui daya saing negara untuk membawa pelabur asing kembali ke negara kita, khususnya di sektor-sektor tambah-nilai yang tinggi. Selain daripada itu, kita perlu menyemak dan merombak kerangka dasar yang ada, institusi, prosedur dan proses yang menghalang pelaburan asing untuk membangunkan ekonomi. Pengaliran modal asing yang tinggi akan dapat meningkatkan pendapatan negara kita. Misalnya negara Malaysia dan Indonesia bolehlah mengambil langkah seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan Singapura, Thailand dan juga Filipina dengan melihat dasar keterbukaan negara tersebut adalah lebih tinggi dan prosedur serta kos yang terlibat untuk memulakan perniagaan juga adalah mudah dan lebih murah berbanding di Malaysia dan Indonesia.

Semua negara juga mestilah mewujudkan suasana pelaburan yang lebih baik agar dapat meyakinkan pelabur asing untuk melabur. Suasana pelaburan yang baik contohnya ialah kestabilan kadar pertukaran dan juga kadar bunga merupakan di antara faktor yang terpenting untuk menarik minat pelabur-pelabur asing. Oleh yang demikian kewujudan suasana pelaburan yang lebih baik dan terbuka adalah penting untuk meningkatkan pendapatan serta pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara.

Usaha untuk meningkatkan KDNK negara juga boleh dicapai melalui peminimuman campur tangan kerajaan. Matlamat ekonomi yang sama di seluruh negara iaitu untuk meningkatkan KDNK negara ke tahap yang paling tinggi disertai dengan pengagihan yang paling adil akan dapat dicapai melalui perdagangan bebas tanpa syarat dengan meminimumkan campurtangan kerajaan. Campur tangan kerajaan yang berleluasa boleh mengubah haluan bebas ekonomi hanya dengan menyekat sesuatu yang efisyen dan dengan memberi mandat kepada sesuatu yang tidak efisyen. Kesan campur tangan kerajaan di dalam perjalanan ekonomi ini telah terbukti di berbagai arena seperti pembatasan perdagangan, cukai terhadap faedah, pembatasan terhadap bank iaitu institusi kewangan dan juga pembatasan terhadap kebebasan fiskal. Justeru itu, setiap negara mestilah memberikan ruang yang lebih terbuka kepada pihak global agar KDNK negara dapat ditingkatkan. Jaringan yang lebih luas dan lebih bebas ini akan memudahkan aktiviti ekonomi negara dan seterusnya impian untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi juga akan dapat direalisasikan.

Secara keseluruhannya, melalui sistem kebebasan ekonomi yang lebih terbuka dan melalui beberapa perubahan yang perlu dilakukan oleh kerajaan dan juga pihak-pihak yang tertentu untuk meningkatkan tahap kebebasan ekonomi di setiap negara akan dapat meningkatkan pendapatan negara. Oleh yang demikian, Malaysia dan Indonesia yang mempunyai tahap kebebasan ekonomi yang sederhana haruslah mengorak langkah dengan berpandangan jauh dan lebih terbuka lagi bagi

merealisasikan impian supaya setanding dan berdaya maju seperti negara-negara maju lain. Manakala bagi negara Filipina, Singapura dan Thailand yang mempunyai tahap kebebasan ekonomi sedia ada yang tertinggi perlulah mengekalkan reputasi dan juga daya saing mereka agar pertumbuhan ekonomi negara dapat ditingkatkan dengan lebih baik lagi.

## RUJUKAN

- De Haan, J. & Jan-Egbert, S. (2000). On the relationship between economic freedom and economic growth. *European Journal of Political Economy*, 16, 215–41.
- (2003). Does more democracy lead to greater economic freedom? New evidence for developing countries. *European Journal of Political Economy* 19, 3 (September): 547–63.
- Dreger, C. & Reimers, H.E. (2005). Health care expenditures in OECD countries: A panel unit root and cointegration analysis. *The Institute for the Study of Labor (IZA) Discussion Paper No. 1469*.
- Engle, R.F. & Granger C.W.J. (1987). Cointegration and error correction: Representation, estimation and testing. *Econometrica*, 55(2), 251-276.
- Easterly, W. & Levine, R. (1997). Africa's growth tragedy: Policies and ethnic divisions. *Quarterly Journal of Economics*, 112(4), 1203-1250.
- Friedman, E., Johnson, S., Kaufman, D. & Zoido-Lobaton, P. (2000). Dodging the grabbing hand: The determinants of unofficial activity in 69 countries. *Journal of Public Economics*, 76, 459–493.
- Goldsmith, A. A. (1995). Democracy, property rights and economic growth. *The Journal of Development Studies* 32, 2 (December, 1995), 157-174.
- Graeff, P., & Mehlkop, G. (2003). The impact of economic freedom on corruption: Different patterns for rich and poor countries. *European Journal of Political Economy*, 19(3), 605–20.
- Gwartney, J. Robert, L., & Walter Block. (1996). *Economic freedom of the world: 1975-1995*. Vancouver: Fraser Institute.
- Gwartney, J. Robert, L. & Randall, H. (1999). Economic freedom and the environment for economic growth. *Journal of Institutional and Theoretical Economics*, 155(4), 1–21.
- Im, K.S., Pesaran, M.H. & Shin, Y. (1997). *Testing for unit roots in heterogeneous panels. Discussion Paper*. University of Cambridge, December.
- Law, S.H. & Demetriades, P. (2006). Openness, institutions and financial development. *World Economy & Finance Research Programme, Working Paper Series WEF 0012*.
- Leblang, D. A. (1996). Property rights, democracy and economic growth. *Political Research Quarterly*, 49 (1), 5-26.
- Mark Gradstein. (2003). Governance and growth. *Journal of Development Economics*, 73, 505–525.
- Md Zyadi, M.T., Sanep, A. & Mohd Hafiz, A. W. (2008). Kesan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi: Kajian kes di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia 2008*.
- North, D. C. (1990). *Institutions, institutional change, and economic performance*. New York: Cambridge University Press. MA.
- Pedroni, P. (1999). Critical for cointegration tests in heterogeneous panels with multiple regressors. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics Special Issue*, 0305-9049
- (1996). Fully modified OLS for heterogenous cointegrated panels and the case of Purchasing Power Parity. *Economic Letters*.
- (2004). Panel cointegration: Asymptotic and finite sample properties of pooled time series test with an application to the PPP hypothesis. *Economic Letters*.
- Sala-i-Martin, X. & Subramanian, A. (2003). Addressing the natural resource curse: An illustration from Nigeria. *NBER Working Paper No. 9804*. NBER, Cambridge, MA.
- Stroup, D. M. (2007). Economic freedom, democracy, and the quality of life. *World Development*, 35(1), 52–66.
- Tavares, J. & Romain, W. (2000). How democracy affects growth. *European Economic Review*, 45, 1341-1378.